

Newspaper	Berita Harian
Date	26/08/2017

'Malaysia tak akan bankrap'

BH- 26/8/2017 Pg. 2

→ Ekonomi negara kukuh, mampu pacu pembaharuan transformasi untuk kesejahteraan rakyat: Najib

Oleh Junita Mat Rasid,
Zuraidah Mohamed dan
Mohd Fahmi Mohd Yusof
bhjb@bh.com.my

► Johor Bahru

Datuk Seri Najib Razak menegaskan Malaysia masih berada pada landasan ekonomi yang kukuh dan mampu memacu pembaharuan transformasi untuk kesejahteraan rakyat.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga tidak akan bankrap seperti didakwa pembangkang kerana negara mengamalkan dasar pengurusan kewangan yang baik.

"Kalau ada yang bagi tahu negara bankrap, itu adalah fitnah dan dakwaan yang tiada asas. Misalnya, pada tahun yang berlaku 'forex dealing' (urus niaga mata wang asing) berapa

kerugian?

"Dalam prosiding Suruhanjaya Diraja (Suruhanjaya Siasatan Bagi Menyasat Kerugian Urus Niaga Mata Wang Asing Bank Negara Malaysia Sekitar 1990-an), RM31 bilion (kerugian), ada yang kata RM33 bilion.

"Ketika itu, rizab antarabangsa kita adalah RM60 bilion, iaitu separuh daripada rizab kita rugi. Bukan rugi atas kertas, tapi rugi 'hard cash' iaitu tunai, (dan) kita masih tidak bankrap lagi.

Tak bankrap

"Kita masih tak bankrap lagi walaupun tidak diterangkan (punca sebenar kerugian) sepenuhnya," katanya berucap merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Johor Bahru, di sini semalam.

Yang hadir sama, Pengerusi UMNO Johor yang juga Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed

Khaled Nordin dan Ketua UMNO Bahagian Johor Bahru, Tan Sri Shahrir Abdul Samad.

Pada majlis itu, Najib turut mengumumkan peruntukan RM2 juta kepada Yayasan Bandaraya Johor Bahru bagi manfaat penduduk bandar, termasuk golongan muda dalam mendepani kos hidup di bandar yang semakin meningkat.

Perdana Menteri berkata, rizab antarabangsa negara kini RM400 bilion, sekali gus mencerminkan kewangan negara masih kukuh, malah penarafan A- dan A untuk negara juga menunjukkan pengurusan kewangan Malaysia masih baik.

Katanya, ia disokong pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.8 peratus pada suku kedua tahun ini, rizab antarabangsa yang bertambah serta ramalan nilai mata wang negara lebih kukuh.